

# Pupuk persefahaman, mantapkan perkhidmatan

UB 16.02.2012 A7

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

**KOTA KINABALU:** Persefahaman bukanlah bermaksud sentiasa menerima atau bersetuju dengan pendapat orang lain sebaliknya terbina berdasarkan empati.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata persefahaman menuntut individu supaya bersikap lebih toleran, sabar, responsif, peka dan berfikiran terbuka.

"Tiada manusia yang sempurna, kerana itu kita mesti menerima segala kelebihan dan kekurangan antara satu sama lain. Setiap perbezaan sebenarnya menjadikan kita saling melengkapi," katanya.

Tambahnya, pepatah Melayu 'bersatu teguh, bercerai roboh' boleh dijadikan pegangan untuk membolehkan semua orang

bekerja dalam satu pasukan.

"Di UMS, setelah 18 tahun ditubuhkan, universiti ini mempunyai 2,262 kakitangan dan 17,000 pelajar dengan pelbagai latar belakang.

"Sudah pasti keadaan ini menuntut persefahaman yang sememangnya menjadi misi UMS," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat UMS 1433H/2012 di Dewan Canselor, kelmarin.

Sementara itu, beliau berkata penghayatan terhadap sambutan Maulidur Rasul adalah lebih penting daripada kemeriahannya sambutan.

Kamaruzaman berkata, umat Islam harus sedar bahawa UMS harus menunjukkan sifat intelek yang bersesuaian dengan kehendak dan statusnya sebagai umat Islam tetapi turut diakui golongan bukan Islam.

Rasulullah, katanya, telah diletakkan di tempat

pertama senarai 100 manusia berpengaruh dalam sejarah tokoh-tokoh.

"Kerana itu, kita harus mencontohi keperibadian Nabi Muhammad SAW dalam bekerja dan menjalani kehidupan seharian.

Beliau turut menggesa semua kakitangan UMS melakukan transformasi minda dan sikap dengan menjadikan kisah perjalanan hidup Rasulullah SAW sebagai panduan.

"Universiti adalah lambang ketinggian ilmu dan intelek dalam sesebuah masyarakat dan tempat berhimpun para ilmuan, menjadikan institusi ini sebagai rujukan masyarakat.

"Kerana itu, kakitangan UMS harus menunjukkan sifat intelek yang bersesuaian dengan kehendak dan statusnya sebagai menara gading," katanya.

Katanya, budaya kecemerlangan ini selari dengan empat agenda yang digariskan



**KAMARUZAMAN** menyampaikan replika cek kemenangan kepada wakil Perpustakaan UMS yang muncul johan sepanduk terbaik sempena Maulidur Rasul Peringkat UMS, kelmarin.

untuk universiti terbabit bagi tahun ini.

"Empat agenda itu adalah kecemerlangan akademik, pembudayaan dan pemerkasaan penyelidikan dan inovasi, pengukuhan dan tadbir urus, serta peningkatan jalinan

masyarakat dan industri," katanya.

Kelmarin, Perpustakaan UMS telah muncul johan kategori sepanduk terbaik untuk membawa pulang hadiah RM500, diikuti Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni



**KAMARUZAMAN** menyampaikan replika cek kemenangan kepada wakil Sekolah Pertanian Lestari yang muncul johan kontinen terbaik sempena Maulidur Rasul Peringkat UMS, kelmarin.

(RM300) dan Jabatan Bendahari (RM200).

Kategori Kontinen Terbaik pula didahului Sekolah Pertanian Lestari yang membawa pulang RM1,000 diikuti Perpustakaan UMS (RM700) dan Jabatan pendaftar

(RM500).

Sementara itu, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan UMS pula terpilih sebagai tuan rumah sambutan Maulidur Rasul Peringkat UMS tahun hadapan.